

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(B)11

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

11. Lawatan kapal perang China ke Pulau Pinang pada 14 Oktober 2024.
- (a) Nyatakan misi Kerajaan Negeri dalam memperolehi manfaat dari lawatan tersebut selain hubungan antara dua negara.
 - (b) Kebiasaannya kapal perang yang berlabuh di sesebuah negara akan menganjurkan kapal terbuka untuk rakyat tempatan melawat. Adakah berlaku seperti tersebut?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

11. (a) Penglibatan dan kehadiran wakil Kerajaan Negeri ke Majlis Sambutan dan Lawatan serta Majlis Makan Malam atas kapal-kapal tersebut adalah atas jemputan daripada Konsulat China di Pulau Pinang. Wakil dari Tentera Laut Diraja Malaysia serta beberapa pertubuhan juga turut dijemput oleh pihak Konsulat China di Pulau Pinang.
- Kerajaan Negeri tidak terlibat dalam program-program tambahan yang diadakan di beberapa lokasi Negeri Pulau Pinang. Ia adalah di bawah seliaan pihak konsulat.

Lawatan tersebut adalah mengikut saluran rasmi dan mengikut protokol. Umumnya, tujuan utama lawatan sedemikian adalah untuk terus mengukuhkan hubungan dua hala antara kedua-dua negara. Hubungan yang baik ini akan menjana peluang ekonomi kepada Pulau Pinang dari segi sektor pelancongan serta pelaburan dari negara tersebut.

- (b) Kedua-dua kapal tersebut turut menganjurkan sesi terbuka untuk membolehkan orang awam menaiki kapal, bergambar dan melawat fasiliti yang ada.